



جَابَاتُنُ اُرُسَانُ حَجَّ

JABATAN URUSAN HAJI

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

SYARAT – SYARAT PENDAFTARAN HAJI TAHUN 1441 HIJRAH / 2020 MASIHI

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah A-li 'Imraan ayat 97 tafsirnya:

“Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah. Iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya”.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam yang bermaksud: “Barangsiapa telah mengerjakan haji dan keadaannya tidak bercakap kotor dan tidak fasiq / membuat maksiat, maka kembalilah keadaannya suci daripada dosa seperti keadaannya di hari ia dilahirkan oleh ibunya”

Riwayat Al-Bukhari dan Muslim

TARIKH PENDAFTARAN HAJI TAHUN 1441 HIJRAH / 2020 MASIHI

Bermula pada Hari Sabtu, 05 Rabiulawal 1441 Hijrah bersamaan 02 November 2019 Masihi sehingga Hari Sabtu, 07 Jamadilakhir 1441 Hijrah bersamaan 01 Februari 2020 Masihi, Jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang.

Pusat-Pusat Pendaftaran:

- i. Ruang Legar, Lantai Bawah Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- ii. Pejabat Hal Ehwal Ugama di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Borang permohonan hendaklah dihadapkan dan didaftarkan oleh pemohon atau ketua keluarga pemohon itu sendiri dan bukannya diwakilkan kepada pegawai syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji.

Borang permohonan yang telah lengkap diisikan berserta dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dihadapkan ke pusat-pusat pendaftaran yang telah ditetapkan.

851



A. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN HAJI

1. Pemohon adalah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam. Warganegara Asing yang berkahwin dengan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap adalah juga dibenarkan mendaftar.
2. Pemohon belum pernah menunaikan ibadat haji. Bagi pemohon yang pernah menunaikan ibadat haji boleh mendaftar dan diberi pertimbangan tertakluk kepada kekosongan kuota.
3. Pemohon hendaklah berumur 15 tahun ke atas. Bagi yang berumur 15 tahun ke bawah hendaklah mendaftar bersama keluarga.

B. KRITERIA-KRITERIA KELAYAKAN DAN PEMILIHAN

1. **Bagi pemohon yang belum pernah menunaikan ibadat haji. Pertimbangan-pertimbangan akan diberikan kepada permohonan-permohonan berikut :-**
 - i. Pemohon diletakkan dalam senarai menunggu mengikut urutan pendaftaran.
 - ii. Pemohon yang sering terganggu kesihatannya kerana ditakuti tiada kesempatan bagi mereka untuk menunaikan haji di tahun akan datang dan jika berhajat membawa pendamping dikehendaki menamakan seorang pendamping, walau bagaimanapun tertakluk kepada pandangan, nasihat dan pengesahan pegawai perubatan.
 - iii. Pemohon merupakan seorang warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan jika berhajat membawa pendamping dikehendaki menamakan seorang pendamping baginya.
 - iv. Pemohon ingin mengerjakan ibadat haji kerana haji nazar atau haji badal atau haji wasiat.
 - v. Pemohon yang menjadi pendamping / mahram kepada ahli keluarga yang terpilih.
2. **Bagi pemohon yang sudah pernah menunaikan ibadat haji. Pertimbangan-Pertimbangan akan diberikan kepada permohonan-permohonan berikut :-**
 - i. Pemohon diletakkan dalam senarai menunggu mengikut urutan pendaftaran dalam mana senarai pemohon yang berhak dipilih sudah tidak lagi ada.
 - ii. Pemohon telah mengerjakan haji semasa masih kecil, kemudian berhasrat / berhajat melaksanakan haji setelah beliau dewasa. Begitu juga pemohon yang telah mengerjakan ibadat haji semasa beliau bertugas sebagai pegawai haji, kemudian berhasrat / berhajat menunaikan ibadat haji. *85*.



- iii. Pemohon ingin mengerjakan ibadat haji kerana haji nazar atau haji badal atau haji wasiat.
- iv. Pemohon yang menjadi pendamping / mahram kepada ahli keluarga yang terpilih.

Apa-apa permasalahan yang timbul dari perlaksanaan syarat dan kriteria ini, maka pandangan hukum syara' akan dirujuk.

C. PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIPENUHI

1. Pemohon hendaklah mempunyai **Akaun Tekad Haji** di **Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)**) atau **Akaun Simpanan Haji** di **Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)** sebelum membuat pendaftaran kecuali :
 - i. Pengurus dan pegawai-pegawai syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji.
 - ii. Pegawai-pegawai Pejabat Urusan Haji (Pentadbiran dan Perubatan).
2. Pemohon wanita hendaklah mempunyai mahram sebagaimana yang terkandung dalam **Panduan Hubungan Mahram**: muka surat 6. Mana-mana pemohon wanita yang tidak mempunyai mahram tidak akan dibenarkan untuk menunaikan ibadat haji. Walau bagaimanapun bagi pemohon wanita yang berumur 45 tahun dan ke atas bolehlah menunaikan ibadat haji secara berkumpulan sekurang-kurangnya 3 orang tertakluk kepada peraturan dan kebenaran pihak Kedutaan Arab Saudi di Negara Brunei Darussalam.
3. Pemohon hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan dan menjalani suntikan selput otak dan suntikan-suntikan yang diperlukan dari masa ke semasa. Tarikh pemeriksaan kesihatan bakal jemaah haji akan dimaklumkan kemudian.
4. Pemohon hendaklah mengikuti kursus-kursus haji yang diaturkan oleh Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
5. Pemohon dikehendaki menempah gelang tangan dan akan memakainya di Arab Saudi sebagai tanda pengenalan diri jemaah. (Tarikh dan tempat bagi penempahan gelang tangan akan dimaklumkan kemudian).
6. Pemohon hendaklah memastikan sahlaku [*Validity*] passport yang akan digunakan sekurang-kurangnya setahun sebelum bertolak ke Arab Saudi dan mencukupi tidak kurang 6 keping (12 muka surat). *95%*.



7. Pemohon hendaklah membuat pembayaran pakej haji terus kepada syarikat-syarikat operator haji yang dibenarkan. Tarikh pembayaran pakej akan dimaklumkan kemudian.
8. Pemohon yang berhasrat untuk membatalkan pendaftaran dan pemergian menunaikan ibadat haji hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
BB.

Jabatan Urusan Haji
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam.



DOKUMEN – DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

1. Borang Permohonan Pendaftaran Haji:-

- ✚ 1 keping salinan **kad pengenalan** pemohon.
- ✚ 1 keping salinan **sijil nikah** pemohon.
- ✚ 1 keping salinan **paspot** pemohon.
- ✚ 2 keping **gambar terkini hitam putih ukuran paspot** pemohon.
- ✚ 1 salinan **surat kebenaran daripada mahkamah mengenai pengambilan anak angkat (jika berkenaan)**
- ✚ 1 salinan **Akaun Tekad Haji** daripada **Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei** atau **Akaun Simpanan Haji** di **Bank Islam Brunei Darussalam**. *(SJS)*.

TALIAN – TALIAN TELEFON JABATAN URUSAN HAJI, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Operator : 2382301 / 2382302 / 2382304 / 2382305 /
2382307

Bahagian Pengurusan : 2380559 (Direct line)

Unit Pendaftaran : EXT 287


Unit Kurnia Tambang : EXT 286

Unit Pengendalian Jemaah : EXT 283 / 284

825.



PANDUAN HUBUNGAN MAHRAM



**SYARIKAT-SYARIKAT YANG DIBERIKAN KEBENARAN UNTUK MENGENDALIKAN
PERKHIDMATAN PAKEJ HAJI DAN UMRAH BAGI TAHUN 1440 -1442 HIJRAH**

1. Darussalam Holdings Sendirian Berhad.
The Airport Mall
Simpang 13-25, Unit 10-12, Ground & First Floor
Jalan Komersial Jaya Setia, Mukim Berakas A,
Bandar Seri Begawan, BB2713, Negara Brunei Darussalam.

Hajj & Umrah Counter
Tel: + [673] 2231964 / 2231965
Fax: + [673] 2238876 / 2238877
Email: haj_umrah@darussalamholdings.com
Laman web: www.darussalam.com.bn
2. Straits Central Agencies (B) Sendirian Berhad (SCA)
Unit 9, Block F, Kompleks Setia Kenangan 2,
Simpang 150-17-20, Kg. Kiulap, Mukim Gadong,
Bandar Seri Begawan, BE 1518, Negara Brunei Darussalam.
Tel: + [673] 2230800 / 2230801 / 2230802 / 2224054
Fax: + [673] 2229355
Email: straitscentralbrunei@hotmail.com
Laman web: www.straitscentral.com
3. Continental Yachting Sendirian Berhad.
No 9, Ground Floor, Bangunan Hasbullah Daud 1,
Km 4 Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, BE3919
Negara Brunei Darussalam.
Tel: + [673] 2233200 / 2231679
No Fax: + [673] 2231680
Email: hajumrahcontinentaltours@com.bn
Laman Web: www.continentaltour.com
4. Raudah Al-Amin Sendirian Berhad
Lot 81B, Unit 5B Tingkat Bawah,
Jalan Bunga Rambai, Kuala Belait KA1131
Negara Brunei Darussalam.
Tel: + [673] 3347573
No Fax: + [673] 3347596
Email: raudahalamin@hotmail.com / rahmantmt39@gmail.com



5. At-Taqwa Travel Tours Sendirian Berhad
Block A, Unit 5, 6 & 7, Ground Floor, Latifuddin Complex,
Tungku Link, Rimba, Gadong, Bandar Seri Begawan, BE3719
Negara Brunei Darussalam.
Tel: + [673] 2431234 / 2420076
No Fax: + [673] 2420076
Email: hajj.umrah@at-taqwa.com
Laman web: www.at-taqwa.com
6. Titian Travel & Tours Sendirian Berhad
Unit 3, Block C, Tingkat 1, Bangunan Haji Lajim dan Anak-Anak,
Kampong Kiarong, Bandar Seri Begawan BE 1318,
Negara Brunei Darussalam.
Tel: + [673] 2453111 / 2453113
No Fax: + [673] 2453114
Email: titiantravel@gmail.com
7. Dar El-Ehsan Travel Sendirian Berhad
G 4, Ground Floor, Sea View Building,
Simpang 6, Kg Pengkalan Gadong, Gadong, BE3919,
Negara Brunei Darussalam.
Tel: + [673] 2446684,
No Fax: + [673] 2446685
E-Mail: inquiry@elehsantravel.com
Laman Web: www.elehsantravel.com

HS.

